GOLONGAN-GOLONGAN YANG AKAN KE NERAKA *Jahanam*

OLEH:

Ust. Rasul Bin Dahri

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

انَّ الْحَمْدَ للهِ ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ شُــرُوْرِ اَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ اَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ ، وَمَنْ يُضْلِــلْ فَلاَ هَادِيَ لَهُ ، وَاَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ ، وَاَشْــهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ .

يَا اَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلاَ تَمُوْتُنَّ اِلاَّ وَاَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ [1].

يَا اَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوْا رَبَّكُمُ الَّذِيْ خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ ، وَخَلَــقَ مِنْــهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالاً كَثِيْرًا وَنِسَآءً ا وَاتَّقُوْا اللهَ الَّذِى تَسَآءَ لُــوْنَ بِــهِ وَالْاَرْحَامِ اِنَّ اللهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيْبًا [2] .

يَاأَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ وَقُوْلُوْا قَوْلاً سَدِيْدًا يُصْلِــحْ لَكُــمْ أَعْمَــالَكُمْ وَيَغْفِرْلَكُمْ ذُنُوْبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيْمًا.[3]

اَمَّا بَعْدُ : فَاِنَّ اَصْدَقَ الْحَدِيْثِ كِتَابُ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ ، وَخَيْرَ الْهَدْيِ هَــدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَشَرَّ الْاُمُوْرِ مُحدَثَاتُهَا ، فَاِنَّ كَــلَّ مُحْدَثَــةٍ بِدْعَةٌ ، وَكَلَّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ ، وَكَلَّ ضَلاَلَةٍ فِي النَّارِ.

---

[1]. Ali Imran. 3:102.

[2]. An-Nisa'. 4:1.

[3]. Al-Ahzab. 33:70-71.

GOLONGAN YANG DIANGGAP AHLI BID'AH

Umat Islam akan berpecah kepada beberapa perpecahan sebagaimana yang dikhabarkan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam*:

إِنَّ أَهْلَ الْكِتَابَيْنِ إِفْتَرَقُوْا فِي دِيْنِهِمْ عَلَى ثِنْتَيْنِ وَسَبْعِيْنَ مِلَّةً وَإِنَّ هَذِهِ الْأُمَّةِ سَتَفْتَرِقُ عَلَى ثَلاَث وَسَبْعِيْنَ مِلَّةً كُلُّهَا فِي النَّارِ إِلاَّ وَاحِدَةٌ ، وَهِيَ الْجَمَاعَةَ.

"Sesungguhnya Ahli Kitab telah berpecah dalam agama mereka kepada 72 millah. Sesungguhnya umat ini akan berpecah kepada 73 millah, semuanya akan ke neraka kecuali satu, iaitu al-Jamaah". [1]

Menurut hadis di atas, semua mereka yang berpecah dalam agama dianggap sebagai Ahli Bid'ah. Punca menyebabkan mereka menjadi ahli bid'ah ialah keluarnya mereka dari jamaah, maka akibatnya mereka akan ke neraka . Mengelakkan diri dari dijerumuskan ke neraka, maka hendaklah sentiasa bersatu dalam satu *"Al-Jamaah"* dan menjauhkan diri dari firqah-firqah yang meninggalkan *"al-Jamaah"*.

Menurut para ulama Salaf as-Soleh, antara firqah yang dianggap oleh kaum muslimin sejak dahulu sehinggalah sekarang sebagai golongan Ahli Bid'ah, terkeluar dari manhaj Ahli Sunnah wal-Jamaah dan terkenal sebagai golongan sesat dan menyesatkan, maka mereka itu ialah:

---

[1]. H/R Ibnu Majah 2/1322, 3922. Abu Daud No. 4597. Ahmad 4/102. Darimi 2/158. Hakim 1/128 Ibn Abi 'Asim dalam Sunan hlm. 32.

JAHMIYAH: Dinasabkan kepada Jahm bin Safwan yang sesat lagi menyesatkan. Golongan Jahmiyah adalah firqah bid'ah yang menolak tauhid asma dan sifat-sifat Allah (توحيد الأسماء والصفات). Golongan bid'ah ini meyakini: Sesungguhnya Allah tidak di 'Arsy, makna istiwa bererti istawla (berkuasa).[2] Jahmiyah mengatakan bahawa Allah tidak dapat dilihat di akhirat kelak. Allah tidak bercakap dengan hambaNya. Allah tidak memiliki ilmu. Allah tidak hidup. Allah tidak mempunyai kuasa. Allah tidak mempunyai sifat-sifat yang lainnya. Dan Jahmiyah menyakini bahawa al-Quran adalah makhluk.[3]

Menurut Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah. *rahimahullah*:

> ***"Prinsip (Jahmiyah menafikan sifat-sifat Allah) diambil dari anak murid Yahudi dan orang-orang musyrik (kufar) serta firqah Syaibah yang sesat".***[4]

Menurut al-Hafiz Az-Zahabi *rahimahullah:*

> ***"Jahm bin Safwan menerima fahaman yang menyesatkan ini dari Ja'ad bin Dirham yang diambil dari Aban bin Sam'an. Aban bin Sam'an mengambil dari Thalut dan Thalut menerima secara peribada dari Labid bin al-A'sam seorang Yahudi yang menyihir Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam".***[5]

---

[2]. Lihat: Majmu Fatawa 5/20-21.

[3]. Ibid. 12/502-503.

[4]. Lihat: Majmu Fatawa 5/20-21. Ibnu Taimiyah.

[5] Lihat: Mizanul I'tidal. Juz. Hlm. 399.

ASY'ARIYAH: Walaupun dinasabkan kepada Imam Abu Hasan al-Asy'ari *rahimahullah*, namun setelah bertaubat dari aliran Mu'tazilah maka beliau tidak ada kena mengena dengan aliran sesat ini. Beliau telah meninggalkan fahaman bid'ah yang sesat ini dan kembali kepada manhaj Salaf as-Soleh. Kini fahaman ini lebih dikenali sebagai al-Asy'ariyah al-Maturidiyah yang dinasabkan juga kepada al-Maturidi.

Firqah ini dipengaruhi oleh Mu'tazilah yang berjalan di atas dasar Ahli Kalam dan falsafah. Asy'ariyah mempunyai dasar yang sama dengan Jahmiyah walaupun ada sedikit kelainannya. Malah dalam akidah Asy'ariyah terangkum juga akidah Mu'tazilah, Rafidhah, Khawarij dan Sufiyah.

Adapun ciri-ciri bid'ah dalam firqah ini yang paling sesat ialah تـأويل *"ta'wil"* menafsir mengikut akal, تعطيل *"ta'til"* menta'til membatalkan dan تكيـف *"Takyif"* bertanya atau mempersoalkan sifat-sifat dan zat Allah *Azza wa-Jalla.*

Antara dasar-dasar (pokok) perbezaan antara Asy'ariyah dengan Ahli Sunnah wal-Jammah (terutamanya yang bermanhaj Salaf as-Soleh) ialah:

(1). Asy'ariyah mementingkan dan mendahulukan akal dari naql (nas-nas al-Quran dan hadis sahih). Terutamanya dalam memahami dan menafsirkan perkara-perkara yang dianggap I'tiqadiyah, ghaibiyah dan sifat-sifat serta zat Allah. Keyakinan mereka ini telah dijelaskan oleh Al-Juwaini dan ar-Razi: "Dalil Naqli (al-Quran dan sunnah) tidak memberikan faedah untuk memperolehi keyakinan". Menurut mereka lagi: "Dalil naqliyah sifatnya zanni (diragukan/duga) sedangkan dalil akli sifatnya qati' (pasti),

maka perkara yang bersifat zanni tidak boleh membatalkan yang qati'.[6]

(2). Firqah Asy'ariyah menta'wil sifat-sifat khabariyah seperti tangan, mata, betis, wajah, nuzul, istiwa, redha, marah, benci dan yang lain-lainnya. Menta'wil sifat-sifat khabariyah telah diharamkan para ulama Ahli Sunnah wal-Jamaah.

(3). Menilai (membatasi) tauhid hanya sekadar tauhid rububiyah dan menyalahi keyakinan Ahli Sunnah wal-Jamaah bermanhaj Salaf as-Soleh dalam meyakini tauhid Uluhiyah dan tauhid ibadah.

---

[6]. Lihat: Al-Irsyad al-Juwaini, hlm. 25-37. Usuluddin Ar-Razi, hlm. 24.

MU'TAZILAH: Fahaman bid'ah yang sesat lagi menyesatkan ini diasaskan oleh Wasil bin Ata'. Beliau pernah berkata: "Aku tidak menerima bahawa seseorang yang melakukan dosa besar itu seorang mukmin yang sebenar, atau seorang kafir yang sebenar, tetapi dia berada antara dua keadaan, atau (المنزلة بين المنزلتين الايمان والكفر) "*satu keadaan antara iman dan dan kufur*",[7] iaitu bukan mukmin dan bukan kafir. Kemudian Wasil bin Ata' beri'tizal (اعتزال) "*memisahkan diri*" di suatu sudut masjid sambil menyebar dan mempertahankan pendapatnya di kalangan jamaah Hasan al-Basri, melihat keadaan tersebut, Hasan al-Basri berkata: Wasil telah beri'tizal (mengasingkan diri) dari kita, sejak saat itu maka Wasil dan pengikutnya digelar Mu'tazilah.[8] Mereka terus digelar Mu'tazilah kerana beri'tizal (mengasingkan diri) dari majlis Hasan al-Basri dan dari pendapat umat.[9] Mereka digelar juga dengan gelaran Qadariyah walaupun ada sedikit perbezaan dengan Mu'tazilah kerana mereka mengambil bid'ah-bid'ahnya Qadariyah.

Antara ciri-ciri dan penyimpangan bid'ah mereka yang jelas ialah mendahulukan akal dan rakyu (pendapat) dari wahyu, menafikan sifat Allah, mengingkari sebahagian dari takdir Allah, orang yang melakukan dosa besar kekal di dalam neraka dan beberapa pendapat yang lain.

Golongan Mu'tazilah berbangga dengan penamaan Mu'tazilah. Kerana penggerak dan pemikir mereka Abdul Jabbar dan Ar-Razi meyakini bahawa semua kalimah i'tizal

---

7. Lihat: الفرق بين الفرق hlm. 78. Al-Baghdadi.

8. Lihat: الملل والنحل 1/65. Sharastani.

9. Lihat: التبصير ف الدين hlm. 40

yang terdapat di dalam al-Quran memaksudkan diri mereka yang menjauhkan diri dari kebatilan. Dan menurut mereka dari lafaz ini menunjukkan nama-nama yang terpuji.[10] Dalam akidah mereka ada lima rukun (prinsip):

1. (العـدل) **Adil:** Adil yang dimaksudkan oleh mereka ialah menafikan qadar (mengingkari qada' dan qadar) Allah *Azza wa-Jalla*. Mereka meyakini bahawa Allah tidak mencipta keburukan dan tidak mentakdirkannya. Jika Dia menciptakan keburukan kemudian menyiksa hambaNya kerana keburukan yang diciptaNya, bererti Dia berbuat zalim, sedangkan Allah Maha Adil dan tidak berbuat zalim. Inilah kesesatan dalam ajaran mereka kerana ada kejadian yang diluar kuasa Allah dan kehendakNya. Menurut mereka akan berlaku sesuatu walaupun bukan kehendak Allah atau sebaliknya.

2. (التوحيـد) **At-Tauhid:** Tauhid Mu'tazilah ialah menafikan sifat-sifat dan zat Allah *Azza Wa-Jalla* sehingga menetapkan bahawa al-Quran itu makhluk. Sebab menurut mereka jika al-Quran bukan makhluk sudah pasti ilmu Allah, kekuasaanNya serta semua sifat-sifatnya adalah makhluk.

3. (الوعد/الوعيـد) **Janji:** Iaitu wajib bagi Allah *Azza wa-Jalla* memberi ganjaran pahala kepada hambaNya yang taat. **Ancaman:** Iaitu wajib bagi Allah memasukkan ke neraka (mengazab) hambaNya yang melakukan dosa dan maksiat.

4. (منزلـة بـين مـنزلتين) **Berada antara dua tempat:** Iaitu kepercayaan "Pelaku dosa besar seperti fasik, tidak kafir

[10]. Lihat: اعتقاد فرق المسلمين والمشركين Hlm/ 39. Fakhruddin Ar-Razi.

dan tidak mukmin, tetapi berada dalam keadaan antara Islam dan kafir".

5. (الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر) **Amar Ma'ruf Nahi Mungkar:** Iaitu wajib menegakkan amar ma'ruf nahi mungkar. Dan mengharuskan golongan lain melakukan apa yang mereka tegakkan. Melalui prinsip inilah mereka menghalalkan keluar dari jamaah kaum Muslimin, menjatuhkan pemimpin dan memberontak kepada pemimpin yang tidak menegakkan amar ma'ruf nahi mungkar, iaitu tidak berhukum dengan hukum syara.[11]

[11]. Lihat: Syarah Al-Akidah At-Tahawiyah. Syeikh Ibnu Abi Al-'Izz al-Hanafi.

KHAWARIJ. Khawarij dan ciri-cirinya telah muncul sejak zaman Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam*, iaitu sebagaimana yang tergambar di dalam hadis:

(1). Suka mencela, mengutuk, menghina (الطعن) kepada para pemimpin dan pembawa kebenaran. Sebagaimana dijelaskan tanda-tandanya di dalam hadis berikut:

عَنْ اَبِيْ سَعِيْدِ الْخُدْرِيِّ قَالَ : بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَقْسِمُ قِسْمًا ، أَتَاهُ ذُوالْخُوَيْصِرَةِ ، وَهُوَ رَجُلٌ مِنْ بَنِيْ تَمِيْمٍ فَقَالَ : يَا رَسُوْلَ اللهِ إِعْدِلْ . قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : وَيْلَكَ ! وَمَنْ يَعْدِلُ إِنْ لَمْ اَعْدِلْ ؟ قَدْ خِبْتُ وَخَسِرْتُ إِنْ لَمْ أَعْدِلْ . فَقَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ : يَارَسُوْلَ اللهِ ، آئذَنْ لِيْ فِيْهِ أَضْرِبُ عُنُقَهُ . قَالَ رَسُوْلُ اللهِ : دَعْهُ ، فَإِنَّ لَهُ أَصْحَابًا يَحْقِرُ أَحَدُكُمْ صَلاَتَهُ مَعَ صَلاَتِهِمْ ، وَصِيَامَهُ مَعَ صِيَامِهِمْ ، يَقْرَأُوْنَ الْقُرْآنَ لاَ يُجَاوِزُ تَرَاقِيَهُمْ ، يَمْرُقُوْنَ مِنَ الإِسْلاَمِ كَمَا يَمْرُقُ السَّهْمُ مِنَ الرَّمِيَّةِ.

"Dari Abi Sa'id al-Khudri berkata: Ketika kami bersama Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam, iaitu ketika baginda sedang membahagi-bahagikan beberapa bahagian, datang kepada baginda Zul Khuwaisirah dari bani Tamim, dia berkata: Wahai Rasulullah berlaku adilah! Bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Celaka engkau, siapakah yang akan berlaku adil jika aku tidak adil?

Dosalah aku dan merugilah jika aku tidak berlaku adil. Maka berkata Umar bin al-Khattab radiallahu 'anhu: Wahai Rasulullah, izinkahlah aku untuk memenggal lehernya. Baginda bersabda: Biarkan dia, kerana dia mempunyai ramai teman-teman yang salah seorang antara kamu akan diremehkan (meremeh-remehkan) solatnya jika dibandingkan dengan solat mereka dan puasanya jika dibandingkan dengan puasa mereka. Mereka membaca al-Quran tidak melebihi kerongkong mereka, terlepas dari Islam seperti terlepasnya anak panah dari busurnya".[12]

Dihadis yang lain Rasulullah *sallahu 'alaihi wa-sallam* telah menggambarkan ciri-ciri orang Khawarij yang menentang pembahagian baginda dipeperangan Hunain:

فَقَالَ رَجُلٌ : وَاللهِ ! إِنَّ هَذِهِ لَقِسْمَةٌ مَا عَدَلَ فِيْهَا ، وَمَا أُرِيْدُ فِيْهَا وَجْهُ اللهِ.

"Maka berkata seorang lelaki: Demi Allah! Pembahagian ini sungguh tidak adil dan tidak dikehendaki padanya wajah Allah".[13]

(2). Mudah menganggap sesat (التضليل) orang Islam yang tidak sealiran atau di luar kelompok mereka. Mereka menyeru untuk membunuh orang Islam yang mereka telah sesatkan dan kafirkan kemudian membiarkan orang-orang

---

[12]. H/R Bukhari 6/617. No. 3610. Muslim 2/743. No. 1064. Dan Ahmad 3/224.

[13]. H/R Muslim 2/739, no. 1062. Ahmad 4/421.

yang benar-benar kafir seperti Yahudi, Nasrani atau Majusi. Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* bersabda:

إِنَّ مِنْ ضِئْضِيءِ هَذَا قَوْمٌ يَقْـــــرَأُوْنَ الْقُــرْآنَ لاَ يُجَــاوِزُ حَنَاجِرَهُمْ ، يَقْتُلُوْنَ أَهْلَ اْلإِسْلاَمِ وَيَدَعُوْنَ أَهْلَ اْلأَوْثَــانِ ، يَمْرَقُوْنَ مِنَ اْلإِسْلاَمِ كَمَا يَمْرُقُ السَّهَمُ مِنَ الرَّمِيَّةِ ، لَئِـــنْ أَدْرَكْتُهُمْ لأَقْتُلَنَّهُمْ قَتْلَ عَادٍ.

"Sesungguhnya akan keluar dari keturunan lelaki ini suatu kaum yang membaca al-Quran, tetapi tidak melebihi kerongkongan mereka. Mereka membunuh ahli Islam (orang Islam) dan membiarkan ahli berhala (orang kafir). Mereka terlepas dari Islam seperti terlepasnya anak panah dari busurnya. Seandainya aku menemui mereka, sesungguhnya akan aku bunuh mereka seperti dibunuhnya kaum 'Aad".[14]

Khawarij akan bermunculan dengan ramainya diakhir zaman, pandai berkata-kata dan bertikam lidah. Sifat mereka telah dikhabarkan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam*:

سَيَخْرُجُ فِي آخِرِ الزَّمَانِ قَوْمٌ أَحْدَاثُ اْلأَسْــنَانِ ، سُــفَهَآءُ اْلأَحْلاَمِ ، يَقُوْلُوْنَ مِنْ خَيْرِ قَوْلِ الْبَرِيَّةِ ، يَقْرَأُوْنَ الْقُــرْآنَ لاَ

[14]. H/R Bukhari 6/376. No. 3644. Muslim 2/742. No 1064.

يُجَاوِزُ حَنَاجِرَهُمْ ، يَمْرُقُوْنَ مِنَ الدِّيْنِ كَمَا يَمْرُقُ السَّـــهَمَ مِنَ الرَّمِيَّةِ.

"Akan keluar pada akhir zaman suatu kaum, umurnya masih muda, rosak akalnya, mereka mengatakan dari sebaik-baik perkatan makhluk. Membaca al-Quran tidak melebihi kerongkongnya. Terlepas dari agama seperti terlepasnya anak panah dari busurnya". [15]

(3). Suka membantah dan bersangka buruk (سـوء الظـن) terutamanya terhadap pemimpin dan orang-orang yang diluar kelompok mereka. Contohnya, mereka berburuk sangka, membantah dan mengkafirkan khalifah Uthman dan Ali *radiallahu 'anhuma* serta berlepas tangan terhadap sesiapa yang membai'ah Khalifah Uthman atau Ali.[16] Sikap, pendirian, akidah dan akhlak firqah Khawarij yang sesat dan bid'ah telah digambarkan oleh Rasulullah di dalam sabda baginda:

عَنْ أَبِي بِرْزَةَ أَنَّهُ قِيْلَ لَهُ : هَلْ سَمِعْتَ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّـى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَذْكُرُ الْخَوَارِجِ ؟ فَقَالَ نَعَمْ : سَمِعْتُ رَسُـــوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِأُذُنِيْ وَرَأَيْتُهُ بِعَيْنَيْ أُتِيَ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَالٍ فَقَسَمَهُ فَأَعْطَى مَنْ عَنْ يَمِيْنِـــهِ وَمَنْ عَنْ شِمَالِهِ وَلَمْ يُعْطِ مَنْ وَرَاءَهُ شَيْئًا ، فَقَامَ رَجُلٌ مِـــنْ

[15]. H/R Bukhari 6/618. No. 3611. Muslim 2/46. No. 1066.

[16]. Lihat: Majmu Fatawa 13/30-31. Ibn Taimiyah.

وَرَائِهِ فَقَالَ : يَا مُحَمَّدُ مَا عَدَلْتَ فِي الْقِسْمَةِ ، رَجُلٌ أَسْوَدُ مَطْمُوْمُ الشَعْرِ ، عَلَيْهِ ثَوْبَانِ أَبْيَضَانِ . فَغَضِبَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غَضَبًا شَدِيْدًا ، وَقَالَ : وَاللهِ لاَ تَجِدُوْنَ بَعْدِيْ رَجُلاً أَعْدَلَ مِنِّيْ ، ثُمَّ قَالَ : يَخْرُجُ فِي آخِرِ الزَّمَانِ قَوْمٌ كَأَنَّ هَذَا مِنْهُمْ ، يَقْرَؤُوْنَ الْقُرْآنَ لاَ يُجَاوِزُ تَرَاقِيْهِمْ يَمْرُقُوْنَ مِنَ الْإِسْلاَمِ كَمَا يَمْرُقُ السَّهْمُ مِنَ الرَّمِيَّةِ ، سِيْمَاهُمُ التَّحْلِيْقُ ، لاَ يَزَالُوْنَ يَخْرُجُوْنَ حَتَّى يَخْرُجَ آخِرُهُمْ مَعَ الْمَسِيْحِ الدَجَّالِ ، فَإِذَا لَقِيْتُمُوْهُمْ فَاقْتُلُوْهُمْ ، هُمْ شَرُّ الْخَلْقِ وَالْخَلِيْقَةُ.

"Dari Abi Barzah ia ditanya: Apakah engkau mendengar Rasulullah s.a.w menyebut tentang Khawarij? Beliau menjawab: Ya, aku mendengar Rasulullah s.a.w dengan telinga aku dan aku melihat dengan mataku. Rasulullah s.a.w datang dengan membawa harta, lalu baginda membahagikannya. Maka baginda memberi kepada orang-orang yang berada di sebelah kanan dan kirinya dan tidak memberi kepada ornag-orang yang di belakang baginda sedikitpun. Berdirilah seseorang yang berada di belakang baginda seraya berkata: Wahai Muhammad engkau tidak adil dalam pembahgian. Dia adalah seorang lelaki yang berkulit hitam dengan rambut yang dicukur botak dan memakai dua baju putih. Rasulullah s.a.w marah dengan kesangatan kemarahannya. Kemudian bersabda: Demi Allah, kamu tidak mendapati seseorangpun setelahku yang lebih adil

daripadaku" Kemudian baginda bersabda lagi: Akan muncul pada akhir zaman suatu kaum, seolah-olah ia dan mereka, mereka membaca al-Quran tidak melebihi tenggorokannya, terlepas dari Islam seperti terlepasnya anak panah dari busurnya, ciri-ciri mereka ialah bercukur botak, tidak henti-hentinya mereka bermunculan hingga akan keluar orang-orang terakhir mereka bersama al-Masih ad-Dajjal, jika kamu menemui mereka bunuhlah mereka. Mereka seburuk-buruk makhluk dan ciptaan".[17]

يَخْرُجُ قَوْمٌ مِنْ أُمَّتِيْ يَقْرَؤُوْنَ الْقُرْآنَ ، يَحْسَبُوْنَ أَنَّهُ لَهُمْ وَهُوَ عَلَيْهِمْ ، لاَ تُجَاوِزُ صَلاَتُهُمْ تَرَاقِيْهِمْ

"Akan keluar suatu kaum dari umatku yang membaca al-Quran, mereka menyangka bahawasanya mereka mendapat pahala padahal tidak mendapat apa-apa bagi mereka, solat mereka tidak melepasi tenggoroknya".[18]

يُحْسِنُوْنَ الْقِيْلَ وَيُسِيْئُوْنَ الْفِعْلَ ، يَدْعُوْنَ إِلَى كِتَابِ اللهِ وَلَيْسُوْا مِنْهُ فِي شَيْءٍ

"Mereka mengelokkan (amat mempersonakan) perkataannya, tetapi amat buruk perbuatan mereka. Mereka mengajak kepada kitab Allah, tetapi

[17]. H/TR Nasaii, 7/119-121. No. 4104. Ahmad, 4/425.

[18]. H/R Muslim, 2/758. No. 1066.

tidaklah mereka termasuk di dalamnya sedikit pun".[19]

(4). **Takfir.** Mengkafirkan orang yang belum layak dihukum kafir oleh syariat Islam, seperti:

A. Bersepakat mengkafirkan sesiapa sahaja yang melakukan dosa besar dan kekal di neraka.

B. Mengkafirkan sesiapa sahaja yang tidak berhukum dengan hukum Islam dan termasuk ahli **bid'ah.**

C. Mengkafirkan sesiapa sahaja yang berselisih dengan al-Quran sekalipun ia keliru.[20]

(5). **Mengingkari hadis Ahad.** Walaupun jelas hadis tersebut sahih diriwayatkan oleh Bukhari atau Muslim.

(6). **Mengingkari syafa'at kubra.** Iaitu mengingkari syafaat Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam* yang diberikan kepada sesiapa yang tidak melakukan kesyarikan walaupun membawa dosa-dosa besar.

(7). **Menghalalkan membunuh anak-anak kecil.** Tindakan ini amat bertentangan dengan hadis-hadis sahih dan melanggar hukum syara yang mengharamkan membunuh anak kecil.

---

[19]. H/R Ahmad, 3/224.

[20]. Lihat: Majmu Fatawa 3/355.

QADARIYAH. Firqah Qadariyah mengingkari bahawa Allah berilmu kerana menurut mereka Allah tidak mengetahui segala sesuatu sebelum terjadi dan tidak menulis takdir di Luh Mahfuz. Oleh yang demikian mereka tidak beriman kepada qada dan qadar kerana akal mereka tidak berdaya memahami persoalan beriman kepada segala taqdir Allah *Azza wa-Jalla.* Itulah sebabnya firqah ini dinamakan Qadariyah kerana mengingkari takdir dan ilmu Allah.

Para ulama Salaf as-Soleh telah mengkafirkan firqah Qadariyah seperti Imam as-Syafie, Imam Ahmad dan yang lainnya. Syeikhul Islam Ibn Taimiyah telah membahagikan Qadariyah kepada tiga jenis:

(1). Qahariyah Musyrikah (Qadariyah yang syirik).

(2). Qadariyah Majusiyah (seperti penyembah berhala).

(3). Qadariyah Iblisiyah (Qadariyah yang sama seperti Iblis).[21]

---

[21]. Lihat: Majmu Fatawa. 7/256.

SYI'AH (RAFIDAH). Muncul dizaman pemerintahan Khalifah Ali *radhiallahu 'anhu.* Diawal kemunculannya mereka menyembunyikan kelompok, gerakan (pendapat/ajaran) dan kitab mereka. Mereka bersifat taqiyyah untuk menyelamatkan diri dan menyembunyikan hakikat siapa mereka sebenar.

Syi'ah berakidah ghulu/ghalaw terhadap para imam dan pemimpin mereka yang disucikan. Mereka berkeyakinan bahawa para imam mereka maksum dan mengetahui sesuatu (termasuk yang ghaib. Pent). Mereka mewajibkan hanya menerima dari para imam mereka dalam semua hukum yang dibawa oleh Rasulullah. Mereka tidak merujuk kepada al-Quran atau sunnah tetapi hanya kepada para imam yang diyakini maksum. Malah mereka mentaqdiskan imam yang tiada dalilnya sama sekali. Maka mereka lebih sesat dari golongan Khawarij.[22]

Antara sikap dan anggapan buruk golongan Syi'ah terhadap Ahli Sunnah wal-Jamaah ialah:

(1). Najis. Menurut kepercayaan Syi'ah ada sepuluh perkara termasuk benda-benda yang jenis najis. Najis yang kesepuluh ialah orang kafir (kafir yang dimaksudkan oleh mereka ialah Ahli Sunnah wal-Jamaah. pent). Mereka tidak membezakan (najis) murtad, kafir sebenar, kafir zimmi, Khawarij atau Nasibi (Ahli Sunnah wal-Jamaah).[23]

(2). Mengkafirkan orang-orang Islam yang diluar kelompok mereka. Mengkafirkan atau mencela sesiapa sahaja yang

---

[22]. Lihat: Majmu Fatrawa 13/209. Ibnu Taimiyah.

[23]. Lihat: Manhajus Solihin. 1/116.

tidak mengakui Imam dua belas. Malah menurut mereka sesiapa yang menentang salah seorang dari imam dua belas, maka dia berada pada keadaan menentang kenabian para nabi *'alaihimussalam*.

(3). Semua yang digolongkan sebagai Ahli Sunnah wal-Jamaah adalah dianggap sebagai *Nasibi* oleh Syi'ah. Nasibi yang dimaksudkan oleh Syi'ah ialah si Kafir (si Kafir yang penipu atau penentang).

Mereka mengkafirkan Imam Syafie, Maliki, Hambali dan Hanafi sebagaimana Muhammad Reda ar-Ridawi berkata: "Jika sekiranya orang-orang yang mengaku sebagai seorang Islam mencintai Ahli Bait, maka mereka tidak akan mengambil sesuatu penentuan hukum agama dari orang-orang yang menyimpang seperti Abu Hanifah, Syafie, Malik dan Ibnu Hambal".[24]

(4). Mewajibkan diri mereka agar bersifat taqiyyah terhadap orang-orang yang diluar kelompok mereka, terutamanya terhadap Ahli Sunnah wal-Jamaah sehinggalah Imam Ghaib mereka muncul.

(5). Menghina Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam* dan keseluruhan Ahli Sunnah wal-Jamaah, kerana mereka tidak mengiktiraf sepenuhnya syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wa-sallam*. Iaitu sebagaimana Syeikh Muhammad bin Muhammad bin Sadiq as-Sadiq menukil riwayat dari Abu Ja'far beliau berkata: "Apabila Imam Ghaib turun, ia akan memerintah mengikut hukum (syariat) Daud",[25] Ini kerana mereka lebih

---

[24]. Kazzabu 'ala Syi'ah. Hlm. 279. Citakan Iran.

[25]. Lihat: Tarikh ma Ba'da Zuhur, hlm. 728 dan 810.

mengutamakan Imam Ghaib yang akan turun membawa kitab yang baru.

(6). Celaan, maki hamun dan kutukan mereka terhadap para sahabat terutamanya manusia-manusia yang terbaik iaitu Abu Bakar, Umar, Uthman malah mereka mengkafirkan seluruh Ahli Sunnah wal-Jamaah.

MURJI'AH. Firqah ini menafikan (menolak) bahawa amalan termasuk dari iman. Menurut Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah *rahimahullah*: Murji'ah berpendapat bahawa iman adalah hanya pembenaran hati dan perkataan, adapun amalan bukan termasuk dalam iman".

Menurut firqah Ahlul Bid'ah yang sesat ini: "Iman tidak bertambah dangan amal soleh dan tidak pula berkurang dengan kemaksiatan".

Menurut Ibnu Taimiyah *rahimahullah* Murji'ah terbagi kepada tiga golongan:

Firqah pertama: Mereka mengatakan iman hanya sekadar yang terdapat di dalam hati. (Firqah ini menyamai pahaman Jahmiyah. Pent).

Firqah kedua: Mereka yang mengatakan bahawa iman hanya perkataan lisan sahaja. (Fahaman ini dianut oleh firqah Karamiyah, pent).

Firqah ketiga: Mereka mempercayai bahawa iman hanya pembenaran dihati dan perkataan lisan. Firqah inilah yang lebih terkenal".[26]

---

[26]. Lihat: Majmu' fatawa 7/194-195.